



Baik buruk universiti penyelidikan



Tidak timbul istilah 'kecurian ilmu dan kepakaran' di lima pusat pengajian tinggi negara kerana ia mampu memacu perkembangan inovasi dan penyelidikan >**4&5**



Oleh Ruhaiza Rusmin
ruhaizarusmin@
mediaprima.com.my

Ada pelbagai pendapat dilontarkan ketika Kementerian Pengajian Tinggi memperkenalkan lima universiti penyelidikan negara.

Tanggapan positif melihat kewujudan universiti penyelidikan mampu memacu perkembangan inovasi dan penyelidikan negara sebagai sokongan padu bergelar negara maju.

Tapi ada pendapat kritikal menganggap kewujudan universiti penyelidikan akan menyekat had kemasukan bakal siswa tempatan untuk melanjutkan pengajian peringkat ijazah pertama.

Manakala pendapat lain menganggap memegang taraf universiti penyelidikan akan menyebabkan negara 'kerugian' kerana kepakaran ilmu akan dibawa pulang ke negara asal siswa asing.

Sejauh manakah bernarnya pendapat itu?

Apakah kewujudan lima universiti penyelidikan iaitu Universiti

Lahir lebih ramai pakar penyelidikan

Peluang siswa tak akan tersekat sebaliknya memartabatkan lagi dunia pendidikan tinggi negara hingga ke peringkat global

(UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) mendiskriminasikan aspek tertentu?

Naib Canselor UKM, Prof Datuk Dr Noor Azlan Ghazali, berkata universiti penyelidikan ditubuhkan bukan untuk menyekat peluang siswa tempatan sebaliknya memartabatkan lagi dunia pendidikan tinggi negara hingga ke peringkat global.

Beliau berkata, kewujudan universiti penyelidikan menjadi pemangkin mewujudkan lagi budaya penyelidikan di samping membuka pintu kepada masyarakat dunia untuk bersama-sama mengembleng pengetahuan menerusi perkongsian ilmu.



INOVASI baru adalah komponen penting yang boleh dibangunkan melalui penubuhan universiti penyelidikan.
- Gambar hiasan.

**ADALAH tidak benar, kewujudan universiti
penyelidikan menyekat kemasukan pelajar
tempatan. - Gambar hiasan.**

menganggap kewujudan
universiti penyelidikan bo-
leh menyekat masa depan
siswa tempatan, ia tidak
benar sama sekali.

“Tiada sebab
menyekat pe-
luang mere-
ka kerana
kewujudan
universiti
penyelidikan
bertuju-
an

memberikan pendidikan
terbaik kepada semua den-
gan nilai komersial pendid-
ikan bertahap global.

“Apatah lagi dalam du-
nia pendidikan tinggi yang
semakin mendesak, keper-
luan untuk melonjak lagi
pencapaian dalam pelbagai
cabang ilmu adalah pen-
ting,” katanya.

Menurutnya, kewujudan
lima universiti tempatan
yang bertaraf univer-
siti penyelidikan
tidak memung-
kinkan peluang
siswa tempa-
tan terse-
kat.

“Universiti penyelidikan
juga tetap mengambil (siswa
ijazah sarjana muda tempa-
tan baru) tapi jumlahnya
mungkin kurang berband-
ing pasca siswazah.

“Bukan langsung tiada
dan kita juga masih mem-
punyai berbelas lagi univer-
siti awam bagi menampung
pengambilan sama.

“Sebagai sebuah
universiti pen-

yelidikan, fokusnya pasti
penyelidikan, tetapi tidak
sesekali membelakan-
gkan kepentingan masya-
rakat dan negara,” katan-
ya.

Beliau berkata, univer-
siti penyelidikan berpe-
ranan menjadikan bidang
penyelidikan sebagai te-
raju utama dalam proses
pembangunan
ilmu selain pro-
ses pembe-
lajarannya
perlu bertahap menyeluruh.

“Ini ber-
sesuaian
statusnya
sebagai se-
buah univer-
siti pe-

**PEMBERIAN taraf universiti
penyelidikan mampu memacu
kejayaan negara untuk
menghasilkan penyelidikan
bermutu tinggi.
- Gambar hiasan.**

University of Malaya
HIGH IMPACT RESEARCH
Teaching lives. Inspiring hearts.



nyelidikan yang 'menerima' kedatangan penuntut dari seluruh dunia.

"Selain itu, menjadikan penyelidikan sebagai bidang utama di universiti selain menekankan bidang pengajian berasaskan akademik.

"Dengan kata lain, penyelidikan menjadi nadi utama tapi pada masa sama tidak mengeneppikan tanggungjawab terhadap aspek lain," katanya mengakui memegang taraf universiti penyelidikan bermakna sesebuah universiti itu perlu bergerak pantas bagi memenuhi piawaian ditetapkan selari dengan statusnya.

"Bukan semua IPTA memperoleh penghormatan bergelar universiti penyelidikan, justeru ini satu penghargaan tertinggi diberikan kepada universiti terpilih.

"Bagaimanapun, ini bukan bermakna universiti lain tidak bagus kerana setiap universiti diwujudkan mempunyai kelebihan masing-masing.

"Cuma sebagai sebuah universiti penyelidikan, jangkauan diberikan tinggi dan berbeza kerana ia bukan saja mewakili kemampuan bertahap tempa-



PERKONGSIAN ilmu juga kerjasama dengan penuntut dan universiti dari seluruh dunia bukanlah pembaziran tetapi membawa manfaat besar bagi kedua-dua pihak. - Gambar hiasan.

tan, malah merencanakan pendidikan di peringkat global," katanya.

Mengenai sikap sege-lintir pihak yang mem-pertikaikan kemampuan universiti penyelidikan, beliau berkata mereka perlu menerima hakikat bahawa universiti berkenaan masih baru dan masih belajar bertatih.

"Kebanyakan masyarakat kita suka membuat

perbandingan dengan universiti luar yang sudah ternama dan terkenal.

"Bukan tidak boleh, tapi kadang kala ia tidak adil buat universiti penyelidikan tempatan yang masih bertatih untuk mencipta nama.

"Kikislah sikap suka membuat perbandingan itu sebaliknya berbangga dengan universiti kita sebab walaupun masih baru, tetap mendapat perhatian luar

biasa dari seluruh dunia," katanya.

Naib Canselor Universiti Putra Malaysia Profesor Datuk Dr Mohd Fauzi Ramlan berkata kewujudan universiti penyelidikan adalah langkah awal negara untuk melahirkan lebih ramai pakar dalam dunia penyelidikan.

Menurutnya, tidak timbul istilah 'kecurian ilmu dan kepakaran' kerana



DR Mohd Fauzi



DR Noor Azlan

perkongsian ilmu yang terjalin membawa manfaat besar bagi kedua-dua pihak.

"Kita sedang melangkah ke peringkat global, justeru keperluan mengisi kepakaran dengan dunia luar adalah perlu.

"Ini bukan istilah 'pembaziran' tapi perkongsian kerana kemungkinan ilmu itu tiada di sini (Malaysia), jadi kedatangan siswa luar adalah alternatif untuk mempelajarinya.

"Begitu juga sebaliknya bila kita berkongsi kepakaran dengan negara luar kerana dalam soal belajar, tiada istilah rugi," katanya.

Beliau berkata, universiti penyelidikan memegang amanah untuk memacu bidang penyelidikan negara

ke tahap membanggakan sekali gus mencapai hasrat menjadi sebuah negara maju.

"Penyelidikan penting untuk menghasilkan inovasi baru yang menjadi antara komponen penting bergelar negara maju.

"Kewujudan universiti penyelidikan akan melahirkan penyelidik sekali gus mengembangkan lagi potensi pengetahuan terkini serta berimpak tinggi.

"Kewujudan universiti penyelidikan perlu difahami dalam konteks luas dan manfaatnya untuk jangka panjang bukan saja kepada dunia pendidikan tinggi malah masyarakat dan negara," katanya.